

Premis tiada lesen diarah tutup serta merta

BANTING-Sebuah premis makanan di Jalan Sultan Abdul Samad, Banting di sini telah diarah tutup serta-merta kerana didapati tidak memiliki lesen bagi tahun 2017.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A Hamid berkata, adalah menjadi satu kesalahan sekiranya pihak MDKL mendapati peniaga menjalankan perniagaan tanpa lesen di daerah ini.

"Arahan penutupan serta merta ini dijalankan di bawah UUK 43(1), Undang-undang Kecil Tred, Pemiagaan dan Perindustrian (MDKL) 2007.

"Operasi yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Pelesenan MDKL, Hishamuddin Ismail dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Penolong Pegawai Penguat kuasa, tujuh orang anggota penguat kuasa MDKL dan dua orang anggota lain MDKL ini bermula jam 11.40 pagi dan berakhir sekitar jam 12.30 tengah hari," katanya.

Mohamad Zain turut mengingat-



Penguat kuasa menjalankan operasi penutupan sebuah premis di Pekan Banting.

kan peniaga di daerah ini supaya segera membarui Lesen Pemiagaan Tahun 2018 bermula pada 1 November hingga 31 Disember 2017.

"Pihak MDKL juga akan mengenakan caj lewat 20 peratus daripada fi lesen bermula pada Januari hingga Februari 2018 sekiranya pemegang lesen gagal membarui lesen pemiagaan mereka.

"Tindakan drastik juga akan diambil sekiranya didapati mana-mana pemegang lesen pemiagaan masih gagal membarui lesen pemiagaan tahun 2018 dan pihak majlis akan mengambil tindakan membatalkan lesen pemiagaan mereka bermula Mac 2018," katanya semalam.

Giat promosi sukan paragliding

MDKL anjur kursus sukan itu bersama media, penulis blog



Sebahagian peserta dalam kalangan media, penulis blog dan juga anak tempatan Kuala Langat telah berjaya menamatkan latihan asas selama dua hari di Jugra.

MORIB - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) kini giat mempromosikan sukan paragliding bagi memastikan sukan ekstrem itu mendapat tempat dalam kalangan masyarakat terutamanya belia.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, sebelum ini MDKL banyak menganjurkan kejohanan di peringkat kebangsaan, antarabangsa mahu pun di peringkat dunia.

Menurutnya, bagi memastikan sukan itu terus berkembang, MDKL buat jujukan kali ini menganjurkan Kursus Paragliding Bersama Media Dan Penulis Blog dengan kerjasama Persekutuan Sukan Udara Indonesia (FASI) serta Kelab Rekreasi Udara Selangor (KRUS).

"Menariknya, peserta kursus ini mendapat tunjuk ajar serta latihan daripada Juara Dunia Paragliding, Kolonel Elise Manuke dari Indonesia serta seorang jurulatih negara yang berpengalaman iaitu Abd Rahman Bahrin.

"Seramai 40 peserta yang terdiri daripada kalangan media, penulis blog dan juga anak tempatan daerah Kuala Langat telah berjaya menamatkan latihan asas selama dua hari dengan jayanya," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Mohamad Zain berkata, peserta telah diberikan pendedahan serta latihan berkaitan pengenalan paragliding, peralatan, konsep penerbangan, mengemban payung, meteorologi dan banyak lagi bagi memberi pendedahan awal.

Beliau berkata, suatu ketika dahulu Jugra hanya dikenali sebagai sebuah perkampungan tradisi Melayu dan tinggalan sejarah sahaja.

"Namun, kini Jugra terkenal apabila kawasan ini dibangunkan sebagai kawasan Pusat Latihan Paragliding selain daripada kesan tinggalan sejarahnya.

"Dengan adanya aktiviti sukan lasak ini...Jugra atau Bukit Jugra yang suatu ketika dulu suram, kini berubah wajah apabila setiap hujung minggu atau hari biasa terdapat pelancong dari dalam dan luar negara melakukan aktiviti paragliding di sini," katanya.

Selain itu, Bukit Jugra merupakan antara lokasi yang menarik untuk syarikat-syarikat produksi menjalankan penggambaran filem mereka kerana bukit ini terletak betul-betul di hadapan lautan kapal.

Mengulas mengenai program berkenaan, kesemua

INFO
Kursus berkenaan dianjurkan dengan kerjasama FASI dan KRUS

peserta dilihat teruja kerana terpilih untuk menjadi peserta kursus pada kali ini.

"Rata-rata mereka berhasrat untuk terus mengikuti kursus lanjutan jika diberikan peluang nanti.

"Saya yakin kursus seperti ini memberi ruang kepada lebih ramai generasi muda untuk bergiat cergas di dalam bidang sukan selain dapat mencungkil bakat yang ada dalam kalangan belia tempatan," katanya.

Dengan pelaksanaan kursus berkenaan, beliau mengharapkan sehingga tahun 2019, Kuala Langat dapat melahirkan sekurang-kurangnya 10 hingga 15 penerbang terlatih serta mampu untuk menyertai sebarang kejohanan di peringkat kebangsaan mahu pun luar negara.

"Saya juga menyeru kepada semua rakan-rakan media dan penulis blog agar dapat bekerjasama bersama MDKL supaya kemajuan pembangunan sukan ini akan dapat terus dicapai," katanya.

"Legasi Tombiruo... Garapan Pelbagai Elemen Penceritaan Terbaik Pernah Saya Hasilkan."
- Ramlee Awang Murshid

BAKAL BERADA DI PASARAN

LEGASI TOMBIRUO

Pre-Order sekarang dan nikmati Diskaun 30%.
Pre-Order di:
<http://mall.karangkraf.com>
(03-5101 7480)
Atau Whatsapp Ke Nombor
019-229 7227

Diskaun 30%
RM21
Tidak Termasuk Kos Pos

Siapa sebenarnya TOMBIRUO baru ini? Kenapa dia tega melakukan pembunuhan? Apa hubungannya dengan Amaruudin selaku mantan TOMBIRUO Hutan Keningau? Siapa sebenarnya pewaris legasi TOMBIRUO selanjutnya? Semua persoalan ini akan terjawab dalam karya mutakhir RAMLEE AWANG MURSHID dengan adegan-adegan suspens yang diadun kemas dengan nilai-nilai kekeluargaan, agama dan cinta.

karangkraf.com KarangkrafMall Karangkraf